

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

GEMPUR KECEMERLANGAN TAHUN 2025

1223/1

TINGKATAN 5

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Julai

2 jam 30 minit

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Jawab semua soalan


1 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ أَخْنَدُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهُوا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرْ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلُ كُلَّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾
 (سورة الانعام، 6: آية 70)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan mempersendakan agama.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]
- (ii) Terangkan cara menjaga kesucian Islam. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan monolog di atas, sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda menangani situasi tersebut? [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang tanggungjawab setiap individu berdasarkan peranan masing-masing.

- (i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** nasihat Luqman Al-Hakim kepada anaknya. [2 markah]

“Anak yang soleh adalah harta paling berharga yang tidak ternilai di dunia dan pelaburan terbaik untuk akhirat”.

- (iii) Apakah tanggungjawab anak terhadap ibu bapa? Huraikan. [2 markah]
- (iv) Ramalkan akibat sekiranya mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa. [4 markah]

- (c) Nyatakan **dua** jenis *ibtida'*. [2 markah]

2 (a) Allah SWT bersifat dengan sifat al-Muntaqim.

- (i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bukti kefahaman mengenai nama Allah al-Muntaqim. [2 markah]



- (iii) Mengapakah kejadian ini berlaku? Huraikan. [2 markah]
- (iv) Bagaimanakah peristiwa ini memberi pengajaran kepada manusia? [4 markah]
- (b) Berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sangat dituntut dalam Islam.
- (i) Nyatakan maksud Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]



Sumber Sinar Harian, 12 Oktober 2023

- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan pandangan anda tentang kepentingan berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]
- 3 (a) Solat sunat duha merupakan solat sunat yang dituntut untuk melaksanakannya.
- (i) Nyatakan maksud solat sunat duha. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kaifiat menunaikan solat sunat duha. [4 markah]

Abu Dzar al-Ghfari meriwayatkan dalam hadis Qudsi, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Wahai anak Adam, kerjakanlah empat rakaat pada permulaan siang (solat duha) pasti aku cukupkan keperluanmu sampai ke petang."

(Riwayat al-Tirmizi)

- (iii) Bagaimakah amalan solat sunat duha dapat membentuk peribadi pelajar yang cemerlang dunia dan akhirat? [4 markah]
- (b) Islam telah menetapkan tanggungjawab suami dan isteri untuk membentuk keluarga yang bahagia.
- (i) Jelaskan **dua** tanggungjawab suami. [4 markah]



- (ii) Mengapakah situasi di atas berlaku? Huraikan. [2 markah]
- (iii) Bincangkan implikasi yang akan timbul sekiranya isu keganasan rumah tangga tidak ditangani dengan sewajarnya. [4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Umaiyah muncul selepas tamatnya era pemerintahan Khulafa al-Rasyidin.

- (i) Nyatakan sejarah ringkas kerajaan Umaiyah. [3 markah]

Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengeluarkan rakyatnya daripada kemiskinan. Semua rakyatnya hidup dengan kecukupan yang baik. Kemakmuran umat pada ketika itu, tidak hanya berlaku di Afrika, malah merata di seluruh penjuru wilayah kekuasaan Islam.

- (ii) Huraikan peranan anda dalam memberi sumbangan kepada negara. [2 markah]

- (iii) Mengapakah umat Islam perlu mengambil iktibar daripada pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz? Huraikan. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [3 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam. [4 markah]

“Orang yang takut kepada Tuhan, tidak akan mengkhianati keadilan.” - HAMKA

- (iii) Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan maksud *khauf*. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** hikmah *khauf* dan *raja'*. [4 markah]



- (iii) Bincangkan tindakan yang sewajarnya diambil oleh remaja dalam gambar di atas. [4 markah]

(b) Keindahan alam sekitar mampu mempengaruhi ketenangan minda.

- (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]



Gambar di atas menunjukkan pencemaran sungai di sebuah bandar.

- (iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika situasi di atas tidak dibendung dengan segera. [2 markah]
- (iv) Sebagai seorang ketua Kelab Pencinta Alam Sekitar, cadangkan aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi menangani isu tersebut. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT